




Tak perlu pertikai harus melabur ASB

» Unsur haram
terlalu sedikit
berbanding
halal menjadikan
pelaburan dibenar

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@bh.com.my

Meskipun pelaburan Amanah Saham Bumiputera (ASB) sudah diperkenalkan sejak 25 tahun lalu iaitu pada tahun 1990, sehingga kini isu berkaitan hukum pelaburan itu di sisi undang-undang Islam masih menjadi pertikaian pelbagai pihak.

Ada yang mengatakan pelaburan saham itu diharuskan, malah ada yang mempertikaikan pelaburan ASB itu dengan dakwaan mempunyai percampuran halal dan haram.

Malah, isu berkenaan turut dibincangkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan sejak tahun 2008 bagi memberi keyakinan kepada masyarakat. Hasil daripada mesyuarat berkenaan, jawatankuasa memutuskan hukum melabur dalam ASB adalah harus.

Timbul pertikaian ketara ber-

PNB
Permodalan Nasional Berhad

hubung hukum pelaburan itu, berikutan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengeluarkan percanggahan pendapat berbanding apa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, sedangkan dana ASB diperkenalkan lebih awal berbanding penubuhan suruhanjaya itu pada tahun 1993.

Mufti Kelantan, Datuk Mohamad Shukri Mohamad, mempertahankan apa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan pada tahun 2008 bahawa hukum pelaburan dalam ASB adalah harus dan tidak menyalahi undang-undang Islam.

Beliau berkata, perlu diingat bahawa keputusan yang dibuat Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan itu adalah dengan melihat ruang lingkup yang luas bagi menjaga kepentingan umat Islam serta mengelak berlaku kemudaratannya yang lebih besar terhadap sosioekonomi umat Islam.

Tegasnya, dua Mufti Kelantan yang terdahulu juga mempertahankan perkara yang sama iaitu harus berdasarkan hadis yang membawa maksud percampuran

halal dan haram tidak boleh diklasifikasikan sebagai haram, sebaliknya terdapat pengecualian tertentu.

"Justeru, dalam isu pelaburan ASB ini, pengecualian yang kita ambil ialah unsur haram terlalu sedikit berbanding yang halal jauh lebih besar menjadikan hukum pelaburan itu adalah harus.

"Pegangan ini tidak akan berubah meskipun terdapat segelintir mufti yang berbeza pendapat. Sebaik ASB diperkenalkan dan masa itu Kelantan menerima serangan hebat kerana menegaskan hukum pelaburan adalah harus.

Kemaslahatan ummah

"Bagaimanapun, sehingga kini, kita mempertahankan hukum pelaburan berkenaan. Apa yang paling penting, kita perlu melihat kepada kemaslahatan ummah iaitu majoriti penduduk negara ini adalah Bumiputera beragama Islam," katanya ketika ditemui, di Kota Bharu, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Mohamad Shukri berkata, masyarakat perlu ingat Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang memperkenalkan pelaburan itu adalah ditubuhkan oleh kerajaan.

Katanya, PNB adalah institusi dan badan kerajaan, sekali gus tidak boleh dianggap atau disamakan dengan pelaburan komer-

sial yang lain kerana ia mempunyai perbezaan ketara.

"Institusi komersial lain bukan ditubuhkan kerajaan dan tidak tertakluk kepada badan kerajaan. Sekiranya kita samakan PNB dengan institusi komersial lain, ia akan menimbulkan kekeliruan dan salah faham.

"PNB mengklasifikasikan pelaburan kepada tiga iaitu pelaburan syarikat strategik, syarikat teras dan syarikat dagangan. Berdasarkan ketiga-tiga pelaburan ini, objektif yang dicapai di sisi syarak ketika menetapkan hukum adalah bagi menjaga kemaslahatan ummah," katanya.

Mohamad Shukri turut menjelaskan, PNB sehingga kini menunjukkan keupayaan untuk meningkatkan taraf hidup umat Islam dalam usaha menjaga kepentingan ekonomi umat Islam.

Katanya, PNB menunjukkan keupayaan dari semasa ke semasa dan berusaha mengurangkan perkara yang bertentangan dengan hukum Islam.

"Justeru, tidak salah membuat pelaburan bagi meningkatkan ekonomi kerana melabur sangat digalakkan dalam Islam kerana harta itu perlu diputar serta dikembangkan dalam sektor ekonomi.

"Pada masa sama, saya nasihatkan kepada masyarakat di

“
Perlu diingat bahawa keputusan yang dibuat Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan itu adalah dengan melihat ruang lingkup yang luas bagi menjaga kepentingan umat Islam serta mengelak berlaku kemudaratannya yang lebih besar terhadap sosioekonomi umat Islam”

Mohamad Shukri Mohamad,
Mufti Kelantan

luar sana bahawa sudah jelas hukum melabur dalam ASB adalah harus. Tidak perlulah mempertikaikan perkara itu kerana ia tidak menyalahi undang-undang Islam.

"Berilah kepercayaan kepada institusi yang mengurus dana umat Islam itu selain mempercayai apa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan," katanya.